

# ORADEX SENSITIVE TEETH MOUTHWASH®

Potassium Nitrate / Sodium Fluoride (5% / 0.055%)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sensitive Teeth Mouthwash
2. Bagaimana Sensitive Teeth Mouthwash berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sensitive Teeth Mouthwash
4. Cara menggunakan Sensitive Teeth Mouthwash
5. Semasa menggunakan Sensitive Teeth Mouthwash
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sensitive Teeth Mouthwash
8. Perihal produk
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini

## Apakah kegunaan Sensitive Teeth Mouthwash

Ia digunakan untuk mengurangkan ketidakselesaan dan kesakitan gigi yang sensitif apabila memberus gigi, makan gula-gula, makanan panas, sejuk, atau berasid dan minuman.

## Bagaimana Sensitive Teeth Mouthwash berfungsi

Ia mengandungi dua bahan aktif. Potassium Nitrate secara klinikal terbukti dapat mencegah dan mengurangkan ketidakselesaan dan rasa sakit sensitif. Secara tidak langsung dapat menenangkan hujung saraf di dalam pulpa gigi. Sodium Fluoride membantu menguatkan enamel gigi dan mencegah kerosakan gigi.

## Sebelum mengambil Sensitive Teeth Mouthwash

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan sekiranya anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap potassium nitrate, sodium fluoride atau mana-mana eksipien yang terdapat dalam rumusan

### - Sebelum menggunakan

Jika anda telah diberitahu oleh pakar penjagaan kesihatan anda mengenai apa-apa intoleransi, hubungi dan semak dengan pakar penjagaan kesihatan sebelum menggunakannya.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat dari pakar penjagaan kesihatan anda sekiranya potassium nitrate / sodium fluoride memberi kesan kepada ubat lain yang anda ambil. Tiada interaksi tertentu diketahui pada masa ini

## Cara menggunakan Sensitive Teeth Mouthwash

### - Berapa banyak harus digunakan

Isi cecair ke dalam bekas penutup hingga ke garisan 20ml

### - Bila perlu digunakan

Gunakan dua kali sehari atau seperti yang ditetapkan oleh doktor gigi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gerakkan cecair ke dalam mulut secara menyeluruh perlahan-lahan dengan 20ml oral mouthwash selama 30 saat atau apabila kesakitan gigi berlaku.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos, gunakannya secepat mungkin dan kembali ke jadual dos biasa anda

### - Sekiranya menggunakan secara berlebihan

Sekiranya gejala berlaku dan menjadi lebih buruk, semak dengan doktor anda atau dapatkan rawatan perubatan

## Semasa menggunakan Sensitive Teeth Mouthwash

### - Perkara yang perlu utamakan

Untuk kegunaan lisan sahaja. Jangan telan. Jauhi dari kanak-kanak. Pastikan cecair menyentuh permukaan gigi yg rosak / terlibat.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jauhkan dari mata. Basuh menggunakan air dengan cepat sekiranya terkena pada mata.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya gejala tidak reda atau menjadi lebih teruk, semak dengan doktor pergigian anda secepat mungkin untuk sebarang masalah asas lain yang boleh menyebabkan gigi sensitif.

## Kesan-kesan sampingan

Jika terdapat kesan sampingan, hentikan penggunaan ubat cuci mulut dan berunding dengan doktor gigi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to medicines (conSERF) or vaccines (AEFI) .

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Sensitive Teeth Mouthwash**

#### - Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C tanpa sinaran matahari secara terus. Jauhkan dari kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Tiada langkah berjaga-jaga yang khusus diperlukan.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Oradex Sensitive Teeth Mouthwash adalah cecair jernih yang berwarna hijau

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Potassium Nitrate 5% dan Sodium Fluoride 0.055%

- Bahan tidak aktif

Aqua, Glycerin, Sorbitol, PEG-40 Hydrogenated Castor Oil, Peg-6, Polysorbate 80, Sodium Saccharin, Flavour, Sodium Methylparaben, Sodium Propylparaben, Menthol, CI 19140 dan CI 42090

#### - Nombor MAL:

MAL 20034866XC

### **Pengilang**

Pahang Pharmacy Sdn Bhd  
Lot 5016, Jalan Teratai, 5½  
Mile Off Jalan Meru, 41050  
Klang, Selangor, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Cavico  
A12-02, Atria Damansara,  
Jalan SS22/23 Damansara  
Jaya, 47400 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

- 30/07/2018

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)220618/00183